



**KEMENTERIAN KESIHATAN MALAYSIA
CAWANGAN KAWALAN AMALAN PERUBATAN SWASTA
(CKAPS)**

**GARIS PANDUAN PEMBERIAN *INTRAVENOUS (IV) DRIP* DI KLINIK
PERUBATAN SWASTA**

**AKTA KEMUDAHAN DAN PERKHIDMATAN JAGAAN KESIHATAN SWASTA
1998
[AKTA 586]**

**PERATURAN-PERATURAN KEMUDAHAN DAN PERKHIDMATAN JAGAAN
KESIHATAN SWASTA (KLINIK PERUBATAN SWASTA ATAU KLINIK
PERGIGIAN SWASTA) 2006 [P.U. (A) 137/2006]**

1. TUJUAN

- 1.1 Garis panduan ini disediakan untuk Pemegang Perakuan Pendaftaran dan Orang Yang Beranggunjawab (OYB) bagi klinik perubatan swasta, dengan tujuan memastikan pengurusan fasiliti mematuhi peruntukan berkaitan serta standard keselamatan yang ditetapkan.
- 1.2 Garis panduan ini juga ditujukan kepada semua Pengamal Perubatan Berdaftar yang menjalankan amalan di klinik perubatan swasta, agar memahami dan mengamalkan prosedur serta protokol pemberian *Intravenous (IV) Drip* dengan penuh tanggungjawab.
- 1.3 Secara keseluruhan, garis panduan ini bertujuan memastikan pemberian perkhidmatan *IV Drip* di klinik perubatan swasta dilaksanakan secara beretika, berasaskan bukti klinikal, serta sentiasa mengutamakan keselamatan pesakit dan kualiti penjagaan.

2. LATAR BELAKANG

- 2.1 Pengoperasian dan pemberian perkhidmatan di klinik perubatan swasta hendaklah mematuhi peruntukan Akta 586 serta Peraturan-Peraturan Kemudahan Dan Perkhidmatan Jagaan Kesihatan Swasta (Klinik Perubatan Swasta Atau Klinik Pergigian Swasta) 2006 [*P.U. (A) 137/2006*].
- 2.2 Seksyen 2, Akta 586 memperuntukkan bahawa skop perkhidmatan yang boleh diberikan di klinik perubatan swasta adalah bagi amalan perubatan atas dasar pesakit luar, termasuk pemeriksaan, diagnosis, rawatan serta perkhidmatan kesihatan pencegahan atau penggalakan.
- 2.3 Sehubungan itu, pemberian perkhidmatan IV *Drip* di klinik perubatan swasta hendaklah selaras dengan prinsip amalan pesakit luar.

3. SKOP GARIS PANDUAN

Garis panduan ini terhad kepada pemberian perkhidmatan IV *Drip* di klinik perubatan swasta berdaftar di bawah Akta 586. Semua Pengamal Perubatan Berdaftar diharapkan dapat memahami dan mengamalkan prosedur serta protokol dengan penuh tanggungjawab.

4. TUJUAN DAN SKOP PERKHIDMATAN

- 4.1 Secara asasnya, pemberian IV *Drip* di klinik perubatan swasta adalah dibenarkan bagi tujuan kecemasan, iaitu sebagai *pre-referral management* atau *pre-hospital care management* sebelum pesakit dirujuk dan semasa pemindahan pesakit ke hospital atau fasiliti kesihatan lain yang berdekatan.
- 4.2 Bagi penggunaan selain keadaan kecemasan, IV *Drip* hanya boleh diberikan untuk indikasi perubatan yang diiktiraf, berdasarkan penilaian klinikal yang wajar oleh Pengamal Perubatan Berdaftar.

5. TADBIR URUS KLINIKAL DAN KESELAMATAN PESAKIT

5.1 Tanggungjawab Klinikal

- (a) Pemberian IV *Drip* hendaklah dibuat hanya di bawah penilaian, preskripsi dan pengawasan langsung Pengamal Perubatan Berdaftar.
- (b) Pengamal Perubatan Berdaftar tersebut hendaklah berada di dalam premis klinik sepanjang tempoh rawatan dijalankan.

5.2 Prosedur Operasi Standard (SOP)

Pihak pengurusan klinik hendaklah menyediakan Prosedur Operasi Standard (SOP) yang lengkap dan terperinci, merangkumi aspek sebelum,

semasa dan selepas rawatan, termasuk tetapi tidak terhad kepada:

- (a) proses *informed consent* yang jelas dan didokumenkan;
- (b) dokumentasi tanda vital (*vital signs*) secara berkala;
- (c) pendokumentasian rekod pesakit yang lengkap;
- (d) tindakan susulan atau rujukan sekiranya berlaku komplikasi atau keperluan klinikal;
- (e) Tempoh pemberian rawatan IV *Drip* bagi setiap sesi rawatan tidak melebihi empat (4) jam; dan
- (f) Memaklumkan kedatangan pesakit kepada Jabatan Kecemasan hospital rujukan, khususnya dalam situasi kecemasan atau kes yang berpotensi memerlukan kemasukan ke hospital.

6. HAD DAN LARANGAN PERKHIDMATAN

- 6.1 Pemberian IV *Drip* selain kecemasan tidak dibenarkan bagi tujuan rawatan estetik atau kesejahteraan, termasuk tetapi tidak terhad kepada:
 - (a) *vitamin drip*;
 - (b) *beauty drip*;
 - (c) *whitening drip*;
 - (d) *detox drip*;
 - (e) *anti-aging drip* atau seumpamanya.
- 6.2 Pemberian IV *Drip* juga tidak dibenarkan bagi:
 - (a) pesakit pediatrik; dan
 - (b) pemberian ubat, antibiotik atau rawatan intravena lain yang berada di luar skop perkhidmatan yang ditetapkan.

7. KEPERLUAN KEMUDAHAN DAN PERALATAN

- 7.1 Pemberian IV *Drip* boleh dijalankan di dalam bilik rawatan atau bilik perundingan (sekiranya bilik perundingan digunakannya sebagai bilik rawatan), mengikut polisi nisbah bilangan bilik rawatan dan bilik perundingan yang telah ditetapkan oleh Kementerian Kesihatan Malaysia.
- 7.2 Peralatan serta ubat-ubatan kecemasan, termasuk troli kecemasan yang lengkap dan berfungsi, hendaklah disediakan dan boleh digunakan pada setiap masa sepanjang rawatan dijalankan.

8. KEPERLUAN PERSONEL

- 8.1 Perkhidmatan pemberian IV *Drip* hendaklah dikendalikan oleh Pengamal Perubatan Berdaftar.
- 8.2 Pembantu klinik hanya dibenarkan membantu dari segi penyediaan peralatan dan sokongan, dan tidak dibenarkan:
 - (a) memasang IV *cannula*;
 - (b) menilai pesakit;
 - (c) memulakan rawatan IV *Drip*; atau
 - (d) menguruskan sebarang komplikasi perubatan.

9. RUJUKAN

- 9.1 Akta Kemudahan dan Perkhidmatan Jagaan Kesihatan Swasta 1998 [*Akta 586*].
- 9.2 Peraturan-Peraturan Kemudahan dan Perkhidmatan Jagaan Kesihatan Swasta (Klinik Perubatan Swasta atau Klinik Pergigian Swasta) 2006 [*P.U.(A)137/2006*].
- 9.3 *Clinical Practise Guidelines (CPG) Managemant of Dengue Infection in Adults (Third Edition) (MOH, 2015)*.
- 9.4 *Code of Professional Conduct 2019, Malaysian Medical Council*.